

SISTEM PEMBEKALAN PENERBITAN KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT

SESI 2006/2007

Perpustakaan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn



Sistem Pembekalan Penerbit (SPP) merupakan perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna bagi mendapatkan bahan rujukan dari perpustakaan lain sekiranya bahan tersebut tidak ada di Perpustakaan KUITTHO.

Kelayakan Pemohonan

Terbuka kepada semua pelajar, staf akademik dan bukan akademik KUITTHO.

Syarat-syarat Permohonan

1. Permohonan mestilah dikemukakan kepada perpustakaan pembekal yang berdaftar sebagai ahli SPP yang berdaftar dengan Perpustakaan Negara Malaysia sahaja. Untuk menyemak senarai ahli-ahli SPP, sila layari alamat URL :
<http://www.pnm.my/new/melayu/spp/spp-info.htm>



2. Bahan yang dimohon mestilah telah dipastikan TIADA dalam koleksi Perpustakaan KUITTHO.
3. Borang permohonan mestilah diisi dengan lengkap, terutamanya nama perpustakaan yang telah dikenalpasti memiliki bahan yang dimohon. Borang yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Setiap pengguna hanya layak memohon 5 bahan dalam satu masa.

Prosedur Permohonan

1. Semak sama ada bahan terdapat di Perpustakaan KUITTHO melalui WebOPAC.
2. Isi Borang Tempahan Bahan SPP di Kaunter Perkhidmatan.
3. Serahkan borang yang telah lengkap kepada Pustakawan SPP.

Borang Permohonan

Borang permohonan mestilah menggunakan Borang Perp.UP/T.04 yang boleh didapati di Kaunter Perkhidmatan.

Bayaran

Tiada bayaran dikenakan kepada pemohon.

Bahan Yang Boleh Dipinjam/Disalin:

- Artikel jurnal
- Buku
- Kertas Persidangan
- Piawai

Bahan Tidak Boleh Dipinjam

- Bahan dari Koleksi Terhad / Redspot
- Tesis / Kertas Projek / Latihan Akademik
- Bahan Audio Visual
- Majalah / Jurnal Terkini; dan
- Bahan-bahan lain, tertakluk kepada perpustakaan pembekal.

Tempoh Pinjaman

Mengikut perpustakaan pembekal, antara 2-4 minggu